

# UMS Link, RTM rangka usahasama perkenal kursus penyiaran, dokumentasi

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 02-12-2011 B16

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) melalui syarikat milik penuhnya UMS Link sedang melihat kemungkinan untuk memperkenalkan pelbagai kursus kemahiran media meliputi penyiaran, komunikasi, rakaman dan penggambaran dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia (JPM).

Pengarah Eksekutif UMS Link, Prof Dr Roselina Ahmad Shaufi berkata setakat ini kursus-kursus seumpama itu banyak ditawarkan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di Kuala Lumpur, sebuah institusi pengajian tinggi di bawah JPM.

“Kita melihat terdapat permintaan besar di Sabah

terhadap kursus-kursus berkaitan kemahiran penyiaran, komunikasi, rakaman, penggambaran, dokumentasi dan seumpamanya, justeru sebagai institusi akademik, UMS Link berperanan membuka peluang-peluang pembelajaran berkaitan bidang-bidang berkenaan,” katanya sambil menyatakan langkah itu dapat disempurnakan melalui usahasama dengan kalangan tenaga berkemahiran dan berpengalaman di RTM Sabah.

Rangka kursus masa hadapan itu dinyatakan Roselina dalam satu sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan jersi bola sepak berjenama kepada kontinjen RTM Sabah yang akan berangkat ke Melaka bagi membawa cabaran ke Sukan RTM

Semalaysia 2-8 Disember di Politeknik Merlimau.

Hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan itu ialah Pengurus Eksekutif UMS Link, Datuk KY Mustapha dan diterima oleh Penolong Pengarah Siaran Sabah Vfm, Jaafar Jaidin.


Roselina seterusnya menjelaskan pihak UMS sebagai institusi pengajian tinggi awam utama di Sabah mampu menyediakan tenaga akademik dalam bidang-bidang yang dimaksudkan sementara pihak RTM Sabah boleh memanfaatkan tenaga berpengalaman dan berkemahiran tinggi mereka secara bersama untuk melaksanakan kursus-kursus berkaitan penyiaran, komunikasi, rakaman, dokumentasi dan penggambaran.

“Pengetahuan secara teoritikal dapat diberikan

oleh kalangan ahli akademik di UMS sementara selok-belok kemahiran teknikal sudah pasti akan dapat diberikan oleh kalangan kerabat kerja dari RTM.

“Jika kita gabungkan teori dan kemahiran itu, kita memiliki kekuatan untuk memenuhi keperluan bagi melaksanakan kursus-kursus yang berkaitan,” jelasnya sambil menambah, kursus-kursus berkenaan boleh dijalankan secara jangka pendek dengan tauliah yang diiktiraf.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya, Jaafar memberitahu bahawa banyak aspek kerjasama yang boleh dijalankan antara pihak RTM dan UMS di mana selaku salah satu entiti Kerajaan, pihak RTM selalu bersedia menjalin kerjasama untuk



**RANGKA KERJASAMA ... KY Mustapha berkongsi sesuatu mengenai usahasama yang boleh dijalankan bersama UMS Link dan RTM.**

melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan penyebaran ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat.

Kontinen RTM Sabah yang terdiri daripada 90 atlet akan bersaing dalam 11 acara sukan yang dipertandingkan

seperti bola sepak, takraw, badminton, bola tampar, boling, dart, catur, bola jaring, futsal, karom dan ping pong.